

24 FEB 1996

Mahathir-Hoki

TUDUHAN MENGATUR KEPUTUSAN HOKI SATU PENGHINAAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan tuduhan Kanada yang Malaysia dan India mengatur keputusan hoki pusingan kelayakan pra-olimpik bulan lepas sebagai menghina kedua-dua negara itu.

Beliau menggesa pihak berkuasa hoki Kanada supaya memberi bukti atas tuduhan itu dan jangan hanya memburukkan imej kedua-dua negara.

"Mereka sepatutnya membuat aduan lebih awal. Adalah senang untuk menuduh dan mereka mesti membuktikannya," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas menerima cek berjumlah lebih dari RM 3.3 juta untuk kejohanan lumba basikal Le Tour De Langkawi.

Persekutuan Hoki Kanada (CHF) telah melaporkan kepada Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH) yang Malaysia dan India telah berpakat mengatur keputusan permainan itu supaya Malaysia dan India seri dalam perlawanan itu di Barcelona bulan lepas.

Perlawanan itu berakhir dengan keputusan seri tanpa gol dan ia membolehkan Malaysia menduduki tempat kelima dan juga menempah tiket ke Sukan Olimpik Atlanta, Amerika Syarikat Julai depan. India turut layak.

Kanada juga menuduh pakatan itu telah dimulakan oleh Timbalan Presiden Persekutuan Hoki Malaysia, Datuk P. Alagendra dan setiausaha Persekutuan Hoki India K. Jothi Kumaran.

Kanada juga mendakwa bahawa lima pemain India telah menerima sogokan wang bagi "mengatur" keputusan perlawanan semasa ataupun selepas perlawanan itu.

FIH akan mengadakan satu mesyuarat jawatankuasa disiplin bagi membincangkan tuduhan itu pada 2 Mac.

Dr Mahathir juga berharap Malaysia dapat mengadakan sirkit lumba kereta World Formula One sebelum 1999 di Lembah Klang dan bukan di Langkawi sebagaimana yang dirancangan.

"Kita hendak bawa acara besar ini ke sini," kata beliau.

Kata beliau, Kerajaan Negeri Selangor akan mengambil balik tapak sirkit Shah Alam Motorsports Paradise (SAMP) di Batu Tiga, Shah Alam, sekarang dan litar lumba baru akan dikenal pasti untuk digantikan.

Pada asalnya sirkit World Formula One sepatutnya diadakan di Pulau Langkawi tetapi idea itu terpaksa dibatalkan kerana kejohanan itu akan menarik minat paling kurang 30,000 orang dan jumlah ini tidak dapat ditampung oleh sirkit di pulau itu, kata beliau.

"Lembah Klang mempunyai penduduk yang cukup besar untuk menyaksikan perlumbaan itu. Ia akan memakan belanja sebanyak AS\$25 juta (lebih kurang RM62 juta) untuk menganjurkan sirkit Formula One dan diharapkan sektor swasta akan membantu dalam menanggung kos terbabit," kata beliau.

Mengenai Le Tour de Langkawi yang mana beliau merupakan penaungnya, Dr Mahathir berharap para penderma akan berbesar hati dalam membiayai kos yang ditanggung oleh penganjur bagi perlumbaan itu yang dijangka berlangsung dari 29 Feb hingga 10 Mac.

Dilaporkan acara itu yang menawarkan hadiah wang tunai RM1 juta membabitkan kos RM9 juta yang perlu ditanggung oleh penganjurnya.

Dr Mahathir berharap lebih banyak lagi stesen televisyen asing akan membuat liputan acara itu dan juga mengenai Malaysia secara am bagi mengimbangkannya dengan laporan-laporan yang tidak baik mengenai negara ini oleh media asing itu.

Beliau juga berharap acara itu akan dijadikan acara tahunan dan ia

akan terus berkembang pada masa akan datang, sama seperti Pameran Maritim dan Udara Langkawi (LIMA). -- Bernama

DC PR